

**NO. SOALAN: 152**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10732**

**SOALAN:**

**Dr. Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik pesalah jenayah seksual kanak-kanak sejak Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak diluluskan di Parlimen pada Julai 2017.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak sering mendapat perhatian di media massa dan dibincangkan dalam pelbagai forum di negara ini. Pihak PDRM memandang serius kes-kes seksual di mana mangsa yang terlibat terdiri daripada golongan kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun yang masih mentah dan lemah. Akibat dari jenayah ini bukan sahaja memberi kesan fizikal malah turut memberi kesan psikologi jangka panjang kepada mangsa yang terlibat. Siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah mengikut seksyen 3, seksyen 4, seksyen 5, seksyen 6, seksyen 7, seksyen 8, seksyen 9, seksyen 10, seksyen 11, seksyen 12, seksyen 13, seksyen 14, seksyen 15 dan seksyen 19 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.**

**Statistik pesalah sejak Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak diluluskan di Parlimen adalah sebanyak 310 kes dari 10 Julai 2017 sehingga Disember 2017.**

**Daripada 310 orang pesalah jenayah yang disiasat di bawah kesalahan seksual terhadap kanak-kanak bagi tempoh berkenaan, seramai 86 orang pesalah adalah berumur di bawah 18 tahun dan 224 orang pesalah berumur melebihi 18 tahun.**